

# Berundur jika mungkir janji

EM - 5 001 1988

Oleh MOHD NOH SENAN  
dan OTHMAN MAMAT

**SUBANG, Sabtu —** Pemimpin yang tidak mampu dan mungkir janji kepada rakyat hendaklah mengundurkan diri daripada perjuangan politik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, negara tidak akan membangun jika pemimpin mengutamakan kepentingan diri dan tempat mereka boleh diambil oleh sesiapa sahaja yang dipercayai oleh rakyat.

Beliau menegur wakil-wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang kini bekerjasama dengan pembangkang semata-mata kerana kepentingan diri.

"Mereka kini berkawan baik dengan pembangkang, walaupun sebelum ini mereka melemparkan pelbagai cacian terhadap golongan itu.

"Apakah kita boleh percaya kepada pemimpin yang telah berjanji untuk berjuang bagi kepentingan rakyat dan negara, tetapi buat perkara lain pula.

"Rakyat tidak memilih wakil mereka atas sebab jawatan, tetapi memilih wakil yang jujur. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya membelakangkan janji kerana rakyat tidak akan percaya dan ini boleh menyebabkan pentadbiran kucar-kacir," katanya.

Beliau berucap di hadapan kira-kira 40,000 rakyat pelbagai kaum yang menyambut kepulangannya dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dari lawatan ke luar negara selama tiga minggu, di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini, petang ini.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri, anggota Kabinet serta pemimpin parti komponen BN turut hadir.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata gabungan barisan itu tidak berpecah, walaupun ra-

# Barisan Nasional tidak berpecah

## ● DARI MUKA 1

mai yang mendakwa begitu pada masa ini.

"Saya tak nampak buktinya. Ramai pemimpin BN ada di sini," katanya.

Beliau berkata, BN memang ada menghadapi masalah, tetapi ia boleh diselesaikan secara rundingan.

"Yang penting, kita jangan membelakangkan rakyat. Kita perlu mengekalkan sokongan yang diberi oleh rakyat kerana rakyat memilih BN untuk mewakili mereka. Jika rakyat mahu, awal-awal lagi mereka memilih parti lawan," katanya.

Beliau berkata, dasar dan tindakan BN dilaksanakan bukan untuk tujuan lain, tetapi semata-mata bagi kepentingan rakyat.

Menurutnya, BN akan berusaha menunaikan janji kepada rakyat, walaupun ia mungkin mengambil masa.

Mengenai hasil lawatannya ke Jerman Barat, Belgium dan Britain, Perdana Menteri berkata, beliau dapat meyakinkan pengusaha negara-negara berkenaan untuk melabur di negara ini.

"Negara berkenaan mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara maju, di samping berjaya mentadbirnya tanpa bantuan mana-mana pihak," katanya.

Menurut beliau, bilangan pengusaha yang ramai datang melabur membuktikan mereka yakin kepada kestabilan politik Malaysia dan kemampuan kerajaan mentadbirkan negara dengan berkesan.

Menurutnya, pertumbuhan ekonomi negara bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini ialah sembilan peratus sementara pelaburan meningkat lapan kali ganda pada tempoh yang sama.

Selain lawatan ke Eropah, Datuk Seri Dr Mahathir juga berucap di Perhimpunan Agung ke-43 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan singgah di Tokyo untuk menemui Perdana Menteri Jepun.